

**MEMORANDUM PERSETUJUAN (MOA)**

DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA  
YANG DIWAKILI OLEH

**(KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN  
MALAYSIA)**

DENGAN

.....

BAGI SUMBANGAN.....

**(KEWANGAN/PRODUK/PERKHIDMATAN)**

**SEMPENA VISIT MALAYSIA YEAR 2014**

Memorandum Persetujuan ini dibuat pada ..... haribulan ..... tahun  
..... di antara Kerajaan Malaysia (Kementerian  
Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia) dengan pihak  
.....

Bahwasanya Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelancongan  
dan Kebudayaan Malaysia bersetuju menerima sumbangan  
(kewangan/produk/perkhidmatan) bernilai RM ..... (Dengan  
perkataan Ringgit Malaysia .....)  
daripada..... bagi pelaksanaan acara/program  
.....

Oleh yang demikian syarat-syarat seperti di bawah adalah dipersetujui:-

- a) Sumbangan yang diberikan hanya boleh digunakan bagi tujuan pelaksanaan acara/program yang tersebut di atas sahaja.
  
- b) **Tanggungjawab Syarikat/Organisasi:**

Apa-apa persetujuan atau perjanjian berkaitan dengan  
Acara/Program tersebut di atas akan menjadi  
tanggungjawab pihak ..... sepenuhnya.  
Sebarang kenaikan kos berkaitan dengan acara/program  
tersebut di atas tidak akan dibiayai oleh Kerajaan.

**c) Kerjasama daripada Syarikat/Organisasi:**

- i. .... dengan ini bersetuju memberi segala kerjasama kepada Kerajaan Malaysia (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia) dalam sebarang perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan dan pengawasan kemajuan Acara/Program tersebut di atas.
- ii. Pihak ..... akan mengemukakan laporan mengenai pelaksanaan acara/program serta penyata perbelanjaan di atas kepada Kerajaan Malaysia (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia).
- iii. Pihak Syarikat/Organisasi hendaklah mengemukakan dokumen sokongan kewangan seperti resit, baucer bayaran dan bukti penerimaan barang/perkhidmatan. Pihak Syarikat/Organisasi hendaklah mengemukakan semua dokumen di atas bagi tujuan pelepasan cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri.

**d) Pelepasan Tanggungan Kerajaan Malaysia (Indemnity)**

- i) Pihak ..... adalah bertanggungjawab sepenuhnya atas segala liabiliti, apa-apa tuntutan daripada mana-mana pihak, kerosakan harta benda atau kecederaan kepada mana-mana orang disebabkan kecuaian, kegagalan, kemungkinan atau tidak memenuhi sama sekali

keperluan-keperluan dan syarat-syarat mengenai pelaksanaan acara/program tersebut. Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa tuntutan yang berpunca daripada acara/program tersebut di atas.

- ii) Kerajaan Malaysia (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia) berhak menarik balik kelulusan insentif potongan cukai di atas pada bila-bila masa sekiranya didapati tujuan pemberian bantuan tidak dipatuhi sepenuhnya dan Syarikat/Organisasi ..... hendaklah menyerahkan kembali kesemua atau apa-apa baki daripada insentif tersebut. Kerajaan dalam apa jua keadaan berhak untuk mengenakan syarat-syarat tambahan kepada syarikat/organisasi..... bagi tujuan menjaga kepentingan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan khasnya dan Kerajaan amnya. Di samping itu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan juga berhak untuk membatalkan kerjasama strategik ini serta merta sekiranya Jawatankuasa Penilaian Kerjasama Strategik dan Insentif Cukai Visit Malaysia Year berpendapat adalah munasabah untuk berbuat demikian, tanpa memberikan notis atau alasan kepada syarikat/organisasi terlebih dahulu.

e) **Undang-undang**

- i. Persetujuan ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.
- ii. Sebarang pindaan atau perubahan kepada persetujuan ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak.

#### **4. PERSETUJUAN**

Sebagai persetujuan kepada semua syarat-syarat di atas, Kerajaan Malaysia (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia) dan ..... dengan ini menurun tandatangan pada hari dan tahun yang ditulis di atas.

Bagi pihak Kerajaan Malaysia (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia)

Tandatangan : .....

Nama : .....

No. K/P : .....

Jawatan : .....

Alamat : .....

.....

.....

Cop Rasmi :

.....

#### **Di hadapan:**

Tandatangan : .....

Nama : .....

No. K/P : .....

Jawatan : .....

Alamat : .....

.....

.....

Bagi Pihak .....  
.....

Tandatangan : .....

Nama : .....

No. K/P : .....

Jawatan : .....

Alamat : .....

.....

.....

Cop Rasmi : .....

**Di hadapan:**

Tandatangan : .....

Nama : .....

No. K/P : .....

Jawatan : .....

Alamat : .....

.....

.....